

09/09/1997

Pas salahkan pengedar akhbar

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

ALOR STAR, Isnin - Pas hari ini menyalahkan pengedar akhbar kerana mempamer dan menjual akhbar rasminya, Harakah, kepada orang ramai.

Presidennya, Fadzil Noor berkata, Pas sudah beberapa kali mengarahkan pengedar supaya menjual akhbar itu kepada ahli sahaja, bukan menjualnya sesuka hati kepada orang ramai.

"Jika ada yang menjual secara terbuka, ia bukan dalam kawalan Pas, sebaliknya tindakan bersendirian pengedar. Selain melarang mereka menjual secara terbuka, kita juga maklumkan supaya tidak mempamerkan akhbar itu.

"Bagaimanapun, pengedar tidak boleh menentukan sama ada pembeli yang bertanya mengenai Harakah ahli Pas kerana tidak semua ahli mempunyai kad keahlian parti," katanya kepada pemberita di rumahnya hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Dalam Negeri semalam mengumumkan keputusan kerajaan tidak membenarkan Harakah dijual secara terbuka kerana ia tidak mempunyai permit KDN untuk itu.

Menurutnya, kerajaan akan mengambil tindakan terhadap kedai atau gerai yang menjual akhbar itu secara terbuka, manakala Harakah akan didakwa di mahkamah jika ia menyebarkan fitnah dan dakyah palsu.

Sepanjang perhimpunan agung Umno yang berakhir semalam, beberapa perwakilan ketika membahaskan usul ucapan Presiden dan usul agama mendesak kerajaan bertindak terhadap Harakah kerana didakwa memutarbelitkan berita bagi melaga-lagakan kerajaan dan mufti.

Mereka memberi contoh laporan muka depan akhbar itu bulan lalu yang memberi gambaran seolah-olah Mufti Selangor, Datuk Ishak Baharom menuduh Dr Mahathir murtad sedangkan ulama berkenaan menafikan berkata demikian selepas itu.

Fadzil mendakwa, penerbitan Harakah turut mendapat kebenaran Kementerian Dalam Negeri (KDN) tetapi pengedarannya hanya terhad kepada ahli parti itu.

Oleh itu, katanya, jika akhbar itu dijual secara terbuka kepada orang ramai ia bukan atas arahan parti, tetapi dilakukan sendiri oleh pengedar yang dilantik oleh penerbit Harakah.

Selain itu, mungkin ada pengedar yang dilantik mengedarkan pula akhbar itu kepada pengedar lain untuk dijual.

Beliau turut menjelaskan, halaman muka depan Harakah menyatakan secara jelas bahawa akhbar berkenaan hanya untuk ahli.

Selain menerusi pengedar yang dilantik, akhbar itu juga dilanggan melalui pos dan diedar menerusi cawangan parti di seluruh negara. Pas mendakwa menerbitkan 40,000 naskhah Harakah setiap minggu, iaitu 10 peratus daripada jumlah keahlian parti seramai 400,000 orang.

Fadzil berkata, Pas akan memanggil semua pengedar Harakah bagi meminta mereka mematuhi arahan tidak menjualnya secara terbuka.

(END)